

Kerajaan Persekutuan digesa teliti hasrat Pulau Pinang tambak laut

PULAU PINANG 21 Sept.

- Kerajaan Persekutuan menerusi agensi berwajib digesa meneliti secara berhati-hati dan mendalam berhubung hasrat Kerajaan DAP Pulau Pinang mahu menambak kawasan laut Middle Bank, di sini.

Setiausaha Organisasi Parti Alternatif Rakyat (PAP), Rahmad

Isahak berkata, pihaknya bimbang dengan pelbagai kesan negatif daripada projek itu bukan sahaja terhadap kebajikan penduduk negeri ini, malah ancaman terhadap kelestarian alam sekitar.

Menurut beliau, agensi Persekutuan khususnya Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) tidak wajar meluluskan rancangan menambak kawasan seluas hampir 2,500 hektar itu sekiranya Kerajaan DAP Pulau Pinang gagal mematuhi syarat-syarat ditetapkan.

"Rancangan menambak kawasan laut yang cukup luas ini bakal merubah sepenuhnya peta demografi negeri ini selain bakal memberi kesan kepada aktiviti nelayan pesisir pantai.

"Sehubungan itu, kita berharap agensi Persekutuan dapat menilai rancangan Kerajaan DAP Pulau Pinang ini dengan teliti dan tidak



RAHMAD ISAHAK

sewenang-wenangnya memberikan kelulusan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman mendesak Kerajaan DAP Pulau Pinang mendedahkan kepada penduduk negeri ini mengenai status rancangan menambak kawasan laut itu.

Menurut beliau, pihaknya dimaklumkan kerajaan negeri sudah membuka cadangan bagi kerja-kerja menambak kawasan laut itu yang turut dikenali sebagai Pulau Gazumbo.

Sebelum ini juga, beberapa pihak turut meminta kerajaan negeri mengkaji semula hasrat itu memandangkan Middle Bank merupakan habitat utama hidupan marin terutama rumpai laut di negara ini.

Sementara itu, Rahmad turut mendesak Ketua Menteri, Lim Guan Eng, menjelaskan kepada penduduk negeri ini berhubung rancangan pembangunan sebenar di kawasan laut yang bakal ditambah tersebut.

Menurutnya, banyak persoalan yang timbul daripada projek itu terutama rancangan pembangunan di atas tanah yang ditambah sama ada turut memasukkan unit-unit



Rancangan menambak kawasan laut yang cukup luas ini bakal merubah sepenuhnya peta demografi negeri ini selain bakal memberi kesan kepada aktiviti nelayan pesisir pantai."

RAHMAD ISAHAK

Setiausaha Organisasi Parti Alternatif Rakyat

rumah mampu milik atau sebaliknya.

Tambahnya, penduduk di negeri ini juga perlu diyakinkan proses memberi tender bagi projek itu dibuat secara telus dan terbuka, bukannya dengan serahan secara istimewa kepada mana-mana pemaaju.

"Malah, cadangan pelan pembangunan projek berkenaan juga perlu dipamerkan untuk tatapan dan ulasan rakyat terlebih dahulu sebelum kerajaan negeri memberi sebarang kelulusan untuk melantik pemaaju," katanya.